(148) – (150)

MEMO

BAHAGIAN AKAUN
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

KKT&P: 100 - 4/16 (148)

09 Ogos 2006

Kepada,

Semua Pegawai dan Kakitangan,
Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 5 / 2006
TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN SELARAS KEPUTUSAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN KKTP BIL . 1 / 2006 YANG DI ADAKAN PADA 03 JULAI 2006 .

1. TUJUAN

1.1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan keputusan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, KKTP Bil. 1 / 2006 pada 03 Julai 2006 mengenai tuntutan elaun perjalanan .

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada masa ini, didapati ada beberapa pegawai dan kakitangan Kementerian menghantar tuntutan tuntutan elaun semasa bertugas rasmi luar pejabat dan lain - lain elaun dalam perkhidmatan ke Bahagian Akaun selepas beberapa bulan perjalanan rasmi di lakukan .

Ada juga, pegawai-pegawai Kementerian yang mengumpul dan mengemukakan sekaligus semua tuntutan elaun perjalanan rasmi mereka pada tahun berkenaan pada setiap bulan Disember.

Keadaan ini telah mengakibatkan tuntutan - tuntutan sedemikian akan di bayar dalam tahun berikutnya di bawah Akaun Pendahuluan Diri Setiausaha A.P 54 jika peruntukan tidak mencukupi oleh kerana pada bulan Disember adalah terlalu lewat untuk Kementerian ini membuat pindahan peruntukan atau memohon peruntukan tambahan .

2.2 Keadaan ini telah menyulitkan Bahagian Akaun dan menjejaskan pengurusan anggaran tahunan Kementerian ini dan amalan tersebut adalah tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan **A.P 100 (a)** yang menghendaki supaya tuntutan elaun perjalanan rasmi dikemukakan untuk pembayaran tidak lewat daripada 10 haribulan dalam bulan berikutnya .

2.3 Proses pembayaran tuntutan - tuntutan elaun semasa bertugas di Kementerian ini, adalah di sokong dengan dokumen penyokong seperti notis mesyuarat dan surat kebenaran keluar daerah yang telah diluluskan oleh Setiausaha Tetap.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Tuan/Puan adalah dikehendaki mematuhi keputusan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Akaun Bil 1/ 2006, KKTP dan mana-mana tuntutan di terima selepas 10 haribulan setiap bulan berikut selepas perjalanan dilakukan tidak akan di proses oleh Bahagian Akaun , KKTP.

3.2 Memandangkan arahan menghadiri mesyuarat dikeluarkan oleh Setiausaha Tetap dan kebenaran bertugas rasmi dalam negeri juga di berikan oleh Setiausaha Tetap maka di putuskan bahawa tuntutan pembayaran **elaun -elaun semasa bertugas rasmi dalam negeri hanya perlu di sokong dengan surat kebenaran Setiausaha Tetap sahaja.**

3.3 Tetapi, bagi tuntutan **elaun -elaun perjalanan rasmi keluar negeri masih perlu disokong dengan E-izin diluluskan oleh Setiausaha Tetap dan notis mesyuarat.**

(148)

3.4 Manakala, dokumen penyokong seperti program dan aturcara seminar dan persidangan dan kursus atau bengkel masih dikehendaki bagi menyokong tuntutan perjalanan yang di lakukan dan pembayaran tuntutan tertakluk kepada perkara 3.1.

4. TARIKH PELAKSANAAN

4.1 Pelaksanaan surat pekeliling ini akan dikuatkuasakan serta - merta selepas tarikh surat ini.

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

.....
[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap

PSL/ndl/2006